



SIARAN MEDIA

JABATAN HAL EHWAL VETERAN, KEMENTERIAN PERTAHANAN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JHEV ATM, TINGKAT 20, MENARA TH PERDANA, JALAN SULTAN ISMAIL, 50250 KUALA LUMPUR

TEL : 03-2050800

FAKS : 03-26917564

Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) telah mengeluarkan kenyataan berikut:

MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT JASA MALAYSIA (PJM) KEPADA VETERAN ATM

21 Februari 2023 - Jeneral Tan Sri Dato' Sri Mohd Asghar Khan bin Goriman Khan TUDM, Panglima Tentera Udara mewakili **Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang TUDM, Panglima Angkatan Tentera** telah menyempurnakan Majlis Penganugerahan Pingat Jasa Malaysia (PJM) kepada **500** Veteran ATM yang berlangsung di Dewan Ababil, Pangkalan Udara Subang. Jumlah penerima PJM ini adalah termasuk 13 orang balu yang menerima pingat PJM mewakili suami yang telah meninggal dunia.

Majlis yang disempurnakan oleh Panglima Tentera Udara ini adalah setelah YB Menteri Pertahanan bersetuju untuk mewakilkan kuasa melalui Panglima Angkatan Tentera dan Ketua - Ketua Perkhidmatan ATM selain daripada Timbalan Menteri Pertahanan dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan untuk menyempurnakan penganugerahan Pingat Jasa Malaysia ini melalui Mesyuarat Majlis Veteran Kebangsaan bertarikh 29 September 2022.

Sejarah bagi Penganugerahan PJM yang dikoordinasi oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM telah dilaksanakan bermula pada 3 Mac 2004 adalah merupakan pengiktirafan kepada anggota tentera di atas sifat keperwiraan, keberanian, pengorbanan dan kesetiaan dalam menyumbang kepada kebebasan Malaysia daripada ancaman pengganas Komunis. PJM hanya dianugerahkan kepada anggota tentera atau bekas anggota tentera yang memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti berikut:

- a. Telah berkhidmat atau terlibat dalam operasi secara berterusan selama 3 bulan dan ke atas atau telah bertugas secara langsung tidak kurang dari 6 bulan di mana-mana pasukan atau formasi ATM bagi tempoh dari 1 Januari 1969 hingga 2 Disember 1989 bagi operasi menentang Parti Komunis Malaya (PKM) atau,
- b. Telah berkhidmat atau terlibat dalam operasi secara berterusan selama 3 bulan dan ke atas atau telah bertugas secara tidak langsung tidak kurang dari 6 bulan di mana-mana pasukan atau formasi ATM bagi tempoh 1 Januari 1969 hingga 17 Oktober 1990 bagi operasi menentang Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU) atau,

c. Telah terbunuh, cedera atau menjadi kurang upaya disebabkan oleh tugas menentang pengganas Parti Komunis Malaya (PKM) bagi tempoh 1 Januari 1969 hingga 2 Disember 1989 atau pengganas Parti Komunis Kalimantan (PKKU) bagi tempoh 1 Januari 1969 hingga 17 Oktober 1990.

Sehingga hari ini, seramai **34,132** warga Veteran ATM telah menerima Pingat Jasa Malaysia manakala bagi veteran yang layak dan belum lagi dianugerahkan akan dijadualkan penganugerahannya pada masa akan datang.

Turut hadir dalam Majlis Penganugerahan ini ialah Leftenan Jeneral Dato' Noor Mohamad Akmar bin Mohd, Panglima Angkatan Bersama; Laksamana Muda Baharudin bin Wan Md Nor, Asisten Ketua Staf Sumber Manusia (MK TL); Mejar Jeneral Masro bin Kaliwon TUDM, Panglima Bantuan Udara; Mejar Jeneral Anuar bin Abdul Wahab, Panglima 4 Divisyen; Briged Jeneral Hj Fazal bin Hj Abdul Rahman, Panglima 11 Briged; Laksamana Muda Dato' Hanafiah bin Hassan, Ketua Pengarah Pusat Hidrografi Nasional; Mejar Jeneral Zambery Jefry bin Haji Darus, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV); Briged Jeneral Dr Norazrin bin Shamsudin TUDM, Komander Pangkalan Udara Subang selaku tuan rumah majlis pada hari ini serta wakil - wakil Persatuan sekitar Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Dalam ucapannya, Panglima Tentera Udara mengucapkan setinggi - tinggi tahniah dan syabas kepada semua penerima Pingat Jasa Malaysia pada hari ini. Beliau turut merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak penganjur iaitu Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) ,Markas Tentera Udara dan Pangkalan Udara Subang kerana sama-sama telah berjaya menganjurkan Majlis Penganugerahan Pingat Jasa Malaysia pada hari ini.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi **Mej Salamah binti Jakaria TUDM (011-65562805)**, Pegawai Perhubungan Awam TUDM, **Kapt Ezrie Hanif bin Yusof TUDM (017-254 0477)**, Ketua Unit Komunikasi Korporat JHEV atau **Kdr Azman bin Yusoff TLDM (019-695 1725)**, Pengarah JHEV Cawangan Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur,

**JABATAN HAL EHWAL VETERAN ATM
KEMENTERIAN PERTAHANAN
KUALA LUMPUR
21 FEBRUARI 2023**